

**TEKS UCAPAN DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
MELALUI RADIO DAN TELEVISYEN MALAYSIA (RTM), ANGKASAPURI,
KL
SEMPENA PELANCARAN KUTIPAN DERMA RAYUAN HARI PAHLAWAN
1994
31 JULAI 1994**

Bismillahir rahmanir rahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Terlebih dahulu saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana dengan rahmat serta perkenan-Nya saya sekali lagi dapat melancarkan Kutipan Derma Rayuan Hari Pahlawan anjuran Persatuan Bekas Perajurit Malaysia.

2. Saya berasa amat bersyukur dan berbangga melihatkan tanahair kita sedang berkembang maju dan pesat di dalam pelbagai bidang. Keadaan negara yang sentiasa aman dan damai serta memiliki alam yang indah tentu sekali memberikan kita keinsafan betapa bertuahnya kita dapat berada di dalam sebuah negara yang begitu sejahtera dan makmur. Keadaan seperti yang kita nikmati sekarang ini sukar didapati di negara-negara lain.

3. Keupayaan rakyat kita, yang terdiri daripada pelbagai kaum dan agama, hidup dengan rukun dan damai adalah merupakan suatu keistimewaan yang jarang sekali dapat dilihat di tempat-tempat lain di dunia ini.

4. Sedang negara kita berada dalam selamat ada beberapa negara lain di dunia ini tidak putus-putus bergolak dan diancam oleh pelbagai kemusnahan dan kehancuran.

5. Di Bosnia-Herzegovina dan Rwanda penghapusan etnik berlaku dengan bermaharajalela, di Yemen perang saudara sudah meletus, di Ethiopia, Somalia dan Sudan kebuluran berleluasa, manakala di beberapa buah negara Barat rusuhan kaum sedang melanda hebat.

6. Ini semua harus menginsafkan rakyat Malaysia dan kita patut berasa syukur dan bertuah kerana terlepas daripada semua tragedi dan bencana yang buruk ini. Di sini kita dapat menikmati kehidupan yang lebih sempurna, bebas dan selesa tanpa sebarang ancaman.

7. Generasi muda kita adalah generasi yang paling bertuah kerana dapat melalui kehidupan yang lebih aman, selesa dan bermakna berbanding dengan generasi sebelum mereka.

8. Semuanya ini dimungkinkan oleh keselamatan dan keamanan negara yang terjamin, pembangunan negara yang pesat, kestabilan politik serta keharmonian rakyat yang berbilang kaum dan agama di negara ini.

9. Amalan dan budaya kita yang sentiasa mengasuh kita supaya mempunyai perasaan bertimbang rasa, bertolak ansur dan suka menolong mereka yang susah telah membentuk kita menjadi bangsa yang dihormati, disegani dan mempunyai semangat kerjasama yang tinggi bagi memaju dan membangunkan negara.
10. Nilai-nilai budaya yang sedemikian luhur seharusnya dipertahankan oleh semua pihak dengan seberapa daya yang mungkin supaya kita sentiasa menjadi contoh dan teladan kepada orang lain.
11. Di dalam kemelut arena politik antarabangsa, kita patut berbangga kerana angkatan tentera kita, selain daripada bertugas untuk mengekalkan keamanan negara, telah berani menyahut cabaran yang lebih besar untuk menyumbangkan bakti kepada keamanan dunia pula.
12. Keberanian serta kecekapan mereka menjalankan tugas dengan penuh semangat disiplin dan profesionalisme telah mendapat sanjungan dunia dan disegani oleh kawan dan lawan. Pengiktirafan yang diberikan ini telah banyak membantu mengharumkan negara kita termasuk rakyat Malaysia di arena antarabangsa.
13. Pada hemat saya kejayaan cemerlang ini dapat dicapai kerana setiap anggota tentera kita sudah komited di dalam profesion mereka. Mereka sedar bahawa perjuangan ke arah mengharumkan nama negara adalah suatu tugas yang tinggi nilainya dan begitu murni.
14. Sesungguhnya usaha untuk mencapai tahap kemajuan, kemakmuran dan keamanan sebagaimana yang sedang sama-sama kita nikmati ketika ini bukanlah suatu perkara yang mudah.
15. Ianya lahir hasil daripada proses cabaran yang terpaksa dilalui dan diatasi selama beberapa dekad. Ianya juga telah dibayar dengan segala bentuk penderitaan, kesengsaraan dan perjuangan yang tidak mengenal ertikata tewas oleh anak-anak wira kita di dalam angkatan tentera.
16. Sebagai sebuah negara yang berdaulat, kebangkitan wira kita di dalam mempertahankan negara Malaysia yang tercinta ini sepatutnyalah terukir dengan tinta emas sebagai lambing keperwiraan mereka untuk diabadikan oleh segenap lapisan masyarakat di negara ini.
17. Sedang kita dibuai dengan segala kemudahan dan pelbagai kesenangan, marilah sama-sama kita berfikir sejenak dan mengenang kembali lipatan sejarah perjuangan wira negara di dalam mempertahankan serta mempertingkatkan kedaulatan negara di mata dunia.

18. Sehubungan dengan itu juga marilah sama-sama juga kita merenungi nasib bekas-bekas perajurit serta tanggungan mereka yang kurang bernasib baik dan terpaksa mengharungi sisa-sisa usia mereka dengan penuh cabaran dan dugaan.
19. Di samping menadah tangan memohon doa restu semoga kehidupan mereka berada di dalam kesejahteraan, marilah sama-sama kita menghulurkan bantuan yang ikhlas sempena dengan pelancaran. Kutipan Derma Rayuan Hari Pahlawan pada tahun ini, agar beban penderitaan yang dialami oleh mereka ini akan dapat dikurangkan.
20. Selain daripada itu, saya yakin rakyat negara ini yang sentiasa prihatin dan peka akan penderitaan anggota masyarakatnya akan terus berbudi kepada mereka yang telah berjasa kepada tanahair. Ini adalah sebagai bukti wujudnya masyarakat penyayang di negara kita.
21. Saya difahamkan bahawa Kerajaan sedang berusaha untuk memperbadankan suatu institusi yang dikenali sebagai Tabung Usahawan Bekas Perajurit dengan meminda Akta 101 Lembaga Tabung Angkatan Tentera.
22. Pada hemat saya langkah ini merupakan suatu pendekatan yang berani dan menunjukkan bahawa Kerajaan sememangnya prihatin dan bersungguh-sungguh di dalam usahanya untuk membantu bagi mempertingkatkan keupayaan dan kehidupan bekas-bekas perajurit.
23. Saya juga percaya apabila perkara ini menjadi kenyataan sudah tentu kehidupan bekas-bekas perajurit akan terbela dengan lebih berkesan.
24. Saya sentiasa menyanjung tinggi segala sikap bertimbang rasa dan sifat bermurah hati yang menjadi warisan dan amalan masyarakat di negara ini. Memang sudah menjadi budaya kita untuk saling bantu membantu di antara satu dengan yang lain lebih-lebih lagi golongan yang kurang bernasib baik.
25. Sebagai masyarakat penyayang, marilah sama-sama kita menggunakan kesempatan ini untuk menjayakan kempen Kutipan Derma Rayuan Hari Pahlawan pada tahun ini, semoga bekas-bekas perajurit serta keluarga mereka yang kurang bernasib baik akan turut sama-sama menikmati kehidupan yang lebih sempurna dan selesa seperti yang kita nikmati sekarang.

Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.